

Kementerian baru segerakan tujuan DEB

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diwujudkan semula dalam susunan kabinet Perdana Menteri baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed.

Tanggungjawab Kementerian itu diserahkan kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Encik Sanusi Junid yang dinaikkan jawatan Menteri penuh.

Tidak ada Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen bagi Kementerian itu.

Antara lain, Kementerian itu bertanggungjawab mengendalikan tugas-tugas yang kini di bawah beberapa Kementerian.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri yang ditugaskan bagi menentukan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru akan di ambil alih oleh Kementerian ini.

Lain-lain fungsinya ialah penempatan semula mangsa-mangsa banjir, pembangunan luar bandar, pembangunan kampung-kampung tradisional, Pernas, Perbadanan Perkapalan antarabangsa (MISC), Pembangunan Kemajuan Koperatif, Bekalan air luar bandar, Pembangunan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan pembangunan industri-industri kecil luar bandar.

Penubuhan itu juga untuk mengurangkan beban Kementerian-Kementerian lain dan tugas-tugas akan diselaraskan bersama dengan Timbalan Perdana Menteri.